

SOALAN NO: 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI DOUGLAS UGGAH EMBAS
[BETONG]
TARIKH : 14 NOVEMBER 2017
SOALAN : 46**

YB Dato' Sri Douglas Uggah Embas [Betong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk menambah khidmat perubatan pakar di Negeri Sarawak khususnya di hospital-hospital daerah.

Tuan Yang di- Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan bilangan doktor pakar supaya pada masa akan datang lebih banyak doktor pakar dapat ditempatkan di hospital-hospital berpakar KKM termasuk hospital yang dikenalpasti di daerah di negeri Sarawak.

Selaras dengan usaha berkenaan, Kerajaan telah berjaya meningkatkan bilangan Pakar Perubatan di Sarawak kepada 353 orang pada tahun 2017

95

berbanding dengan 241 orang pada tahun 2014 iaitu peningkatan melebihi 31.7 peratus.

Tuan Yang di- Pertua,

Antara usaha yang telah diambil Kementerian dalam meningkatkan bilangan Pakar Perubatan di seluruh negara termasuk Sarawak adalah seperti berikut:

- i. Meningkatkan pengambilan Pegawai Perubatan menjalani program sarjana kepakaran dengan Hadiah Latihan Persekutuan daripada 800 slot sehingga tahun 2014 kepada 1,000 slot mulai tahun 2015.
- ii. Menggalakkan Pegawai Perubatan yang berminat untuk menjadi pakar menjalani latihan kepakaran melalui program laluan paralel.
- iii. Melantik semula Pegawai Perubatan Pakar yang telah tamat kontrak untuk berkhidmat dengan KKM mengikut keperluan.
- iv. Melantik semula secara kontrak Pegawai Perubatan Pakar warganegara yang telah bersara wajib untuk berkhidmat dengan KKM mengikut keperluan.
- v. Memperkenalkan Bayaran Insentif Penempatan Pakar Perubatan/ Pergigian (BIPP) kepada Pegawai Perubatan Pakar yang bertugas di fasiliti kesihatan di Sabah dan Sarawak berkuat kuasa 1 Julai 2016 dan Wilayah Persekutuan Labuan berkuat kuasa pada 1 April 2017. Kadar bayaran adalah dalam lingkungan RM500.00 hingga RM2,000.00 bagi kawasan bandar dan lingkungan RM1,000.00 hingga RM2,500.00 bagi kawasan luar bandar.

- vi. Mendapatkan perkhidmatan kepakaran dari pihak swasta untuk berkhidmat secara sesional.
- vii. Menggalakkan Pegawai Perubatan Pakar warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air.

Selain itu, bagi menggalakkan lebih ramai doktor pakar ditempatkan di Sarawak, Kerajaan telah menetapkan supaya penempatan doktor pakar dibuat secara giliran di mana tempoh penempatan minima adalah selama 6 bulan. Pada masa ini, tempoh penempatan tersebut telah dipanjangkan kepada 1 tahun bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan kepakaran di kawasan berkenaan.